

AHMAD FAUZI MOHD AYUB, NORHASNI ZAINAL ABIDIN & ANDI SUWIRTA

Hubungan antara Penggunaan Internet Bermasalah Umum dan Kesunyian dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

IKHTISAR: Penggunaan internet perlu dikawal agar tidak menimbulkan masalah di masa hadapan, memandangkan penggunaan secara tidak terkawal akan menimbulkan pelbagai masalah dari segi akademik, sosial, dan psikologi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan internet bermasalah umum dalam kalangan pelajar sekolah menengah serta hubungannya dengan kesunyian. Seramai 260 orang pelajar tingkatan lima dari tiga buah sekolah dalam zon Keramat, Selangor, Malaysia terlibat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masalah terhadap penggunaan internet dalam kalangan pelajar ini berada pada tahap sederhana (Min = 2.71; SP = .651). Selain itu, tahap kesunyian pelajar juga berada pada tahap sederhana (Min = 2.72; SP = .372). Namun kajian juga mendapati terdapat hubungan positif yang rendah diperolehi antara penggunaan internet bermasalah umum dengan kesunyian ($r = .182, p = 0.01$). Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan min masalah umum penggunaan internet bagi pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang berhadapan dengan masalah penggunaan internet boleh mengimplikasikan kepada masalah kesunyian. Walaupun kesan ini adalah kecil, namun ibu bapa perlu memberi perhatian agar masalah berkenaan tidak berlarutan di masa hadapan.

KATA KUNCI: Penggunaan internet bermasalah, kesunyian, ketagihan internet, pelajar sekolah menengah, kawalan, serta masalah akademik, sosial, dan psikologi.

ABSTRACT: "The Relationship between Common Problematic Internet Use and Loneliness among Students in Secondary School". Using the internet should be controlled in order to prevent problems in the future, as the uncontrollable consumption will caused a variety of problems in terms of academic, social, and psychological. This study aims to identify problematic internet used among public high school students and its relationship to loneliness. A total 260 of five grade students from three schools in the zone of Keramat, Selangor, Malaysia were involved. The findings show that the problem of internet used among students at a moderate level (Mean = 2.71; SD = .651). Moreover, the level of students silence is moderate (Mean = 2.72; SD = .372). The study found a positive relationship between general problematic internet used to loneliness ($r = .182, p = 0.01$). The study also found that there was no significant difference in the mean of general problems using the internet for male and female students. This study shows that students who are dealing with this problem may imply the use of the internet to the problem of loneliness. Even though the effect is small, parents should pay attention to this problem to prevent any other related problems in the future.

KEY WORD: Problematic internet use, loneliness, addiction to internet, secondary school students, controllable, and academic, social, and psychological problems.

PENDAHULUAN

Pada masa kini, internet telah memainkan peranan yang amat besar dalam pembangunan dan kehidupan manusia. Cara hidup manusia telah banyak mengalami perubahan, seiring dengan pembangunan teknologi internet. Namun, di sebalik perkembangan ini, terdapat

juga masalah baru yang dihadapi oleh sesetengah individu, iaitu isu-isu yang dikaitkan dengan penyalahgunaan internet ataupun penggunaan internet secara berlebihan.

Menurut C. Holden (2001), penyalahgunaan internet merupakan pertumbuhan ketagihan yang paling cepat dalam sesebuah negara

About the Authors: Prof. Madya Dr. Ahmad Fauzi Mohd Ayub & Prof. Madya Dr. Norhasni Zainal Abidin ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Pendidikan UPM (Universiti Putra Malaysia), Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia; dan Andi Suwirta, M.Hum. ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial UPI (Universiti Pendidikan Indonesia), Bandung, Jawa Barat, Indonesia. Bagi urusan sebarang akademik, boleh berhubung terus via emel di: afmy@upm.edu.my, nonie@upm.edu.my, dan atriwusidna@gmail.com

How to cite this article? Mohd Ayub, Ahmad Fauzi, Norhasni Zainal Abidin & Andi Suwirta. (2014). "Hubungan antara Penggunaan Internet Bermasalah Umum dan Kesunyian dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah" in ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, Vol.4(2) December, pp.189-200. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, FKIP UNSUR Cianjur, and FPOK UPI Bandung, ISSN 2088-1290. Available online also at: <http://atikan-jurnal.com/2014/12/hubungan-antara-penggunaan-internet-bermasalah-umum/>

Chronicle of the article: Accepted (November 7, 2014); Revised (December 7, 2014); and Published (December 27, 2014).

berbanding dengan ketagihan secara bahan kimia atau bukan bahan kimia. Pelajar pada masa kini lebih gemar menghabiskan masa berjam-jam di hadapan komputer, semata-mata untuk mencari kepuasan diri dengan melayari internet. Sekiranya tidak dikawal dengan baik akan menjadi masalah besar kepada sistem pendidikan.

Menurut laporan yang dikeluarkan dalam laman web SC (Symantec Corporation), bertarikh 7 Julai 2010, bertajuk “Laporan Keluarga Norton Online 2010” telah mendedahkan bahawa 87% kanak-kanak Malaysia pernah mengalami pengalaman negatif atas talian. Dilaporkan pula bahawa kanak-kanak di Malaysia menghabiskan masa melayari internet secara purata selama 19 jam seminggu, yang mana ibu bapa menyangka mereka melayari internet selama 11 jam. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa sembilan daripada sepuluh kanak-kanak telah terdedah kepada pengalaman negatif semasa melayari internet, yang telah memberi kesan kepada emosi mereka.¹

Menurut Mariani Md Nor (2011), tumpuan terlalu lama terhadap internet hanya akan menyebabkan pelajar lebih suka menyendiri. Tambah beliau lagi, mereka akan bersifat individualistik, selain mudah terdorong untuk melayari laman lucah kerana bahan itu mudah didapati dan boleh dimuat turun dengan hanya menggunakan telefon bimbit.

PENGUNAAN INTERNET DAN KESANNYA BAGI PELAJAR SEKOLAH

Justeru, penggunaan internet secara tidak sihat mampu memberi kesan sosial dan juga akademik kepada pengguna, terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah. Ini selari dengan kajian oleh W.A. Austin & M.W. Totaro (2011), ke atas 10,170 orang pelajar berumur antara 13 – 17 tahun di Amerika Syarikat, mendapati bahawa penggunaan internet yang berlebihan akan meningkatkan gejala tidak hadir ke sekolah bagi pelajar sekolah menengah.

¹Sila lihat, laporan bersabit, SC [Symantec Corporation]. (2010). *Norton Online Family Report 2010: Reveals 87 Percent of Malaysian Kids Have Had a Negative Online Experience*. Kuala Lumpur, Malaysia: Symantec Corporation. Tersedia [online] juga di: http://www.symantec.com/en/my/about/news/release/article.jsp?prid=20100707_01 [dilayari di Bandung, Indonesia: 9hb Oktober 2014].

Penggunaan internet secara sihat diistilahkan sebagai menggunakan internet untuk mencapai tujuan tertentu, dalam tempoh masa tertentu, tanpa ada masalah konseptual atau tingkah-laku (Davis, 2001). Istilah kepada “penggunaan internet bermasalah” (*probelmatic internet use*), pertama sekali dirujuk sebagai ketagihan internet oleh Ivan Goldberg (1997); seterusnya K. Sherer (1997) merujuk kepada masalah ini sebagai kebergantungan internet; dan R.A. Davis (2001) pula merujuk sebagai penggunaan internet patologi.

Istilah “penggunaan internet bermasalah” diperkenalkan pula oleh R.A. Davis, G.L. Flett & A. Besser (2002), sebelum S.E. Caplan (2010) melanjutkan penggunaan internet bermasalah ini sebagai penggunaan internet bermasalah umum skala 2. Ciri-ciri yang sama bagi setiap definisi ini menekankan kepada tempoh masa yang dihabiskan melayari internet, tidak selesa, serta dilihat berasa cepat marah apabila tidak menggunakan internet; dan tanda-tanda seperti itu memerlukan tempoh yang lebih lama untuk melayari internet (Young & Rodger, 1998).

Pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan penggunaan internet bermasalah dalam kalangan remaja. Sebagai contoh, kajian telah dijalankan oleh S.S.J. Lin & C.C. Tsai (2001) mengenai penggunaan internet dan psikologi terhadap 753 pelajar sekolah menengah, yang mana 11.69% pelajar dikategorikan sebagai menghadapi kebergantungan internet. Analisis keputusan mendapati bahawa pelajar yang berhadapan dengan masalah kebergantungan internet menghabiskan masa lebih lama atas talian, dan secara signifikan dilihat lebih mempunyai pengaruh negatif terhadap rutin harian, prestasi sekolah, dan hubungan dengan ibu bapa (Lin & Tsai, 2001).

Kajian oleh H. Wang *et al.* (2011) ke atas 14,296 pelajar-pelajar sekolah menengah di empat buah bandar di daerah Guangdong, China mendapati bahawa sebanyak 12.2% pelajar dikenal pasti bermasalah dalam penggunaan internet. Kajian ini juga mendapati bahawa pelajar lelaki mempunyai masalah berkaitan penggunaan internet yang lebih daripada pelajar perempuan.

Kajian seumpama ini juga telah dijalankan

di Malaysia, tetapi lebih menjerus kepada ketagihan internet. Sebagai contoh, kajian oleh Johari Hassan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid (2012), ke atas 265 orang pelajar daripada pelajar sekolah lelaki dan sekolah perempuan di daerah Johor Bahru, mendapati bahawa tahap ketagihan penggunaan internet dalam kalangan pelajar adalah rendah. Namun begitu, hasil kajian juga mendapati pelajar daripada sekolah lelaki secara signifikan menghadapi ketagihan internet berbanding sekolah perempuan.

Sementara itu, kajian oleh Hasmida Jamaluddin, Zauwiyah Ahmad & Noorhazreen Zainal (2011), ke atas 150 orang pelajar di salah sebuah universiti di Malaysia, menunjukkan bahawa segelintir responden (2.6%) menunjukkan penggunaan internet yang boleh menjerus kepada masalah ketagihan internet. Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti responden akan melayari internet sekiranya mereka merasa kecewa atau tidak gembira. Ini akan menimbulkan pelbagai isu, seperti tekanan, kesunyian, masalah dalam akademik, perhubungan dengan rakan, pengurusan masa, dan sebagainya.

Kajian Choo Siow Ling *et al.* (2011), secara atas talian yang melibatkan pelbagai peringkat umur, juga mendapati bahawa generasi dalam lingkungan umur 18 – 25 tahun lebih berisiko untuk menghadapi masalah ketagihan internet, terutama pelajar universiti dan kolej.

Kajian berkaitan penyalahgunaan internet ini juga dijalankan berdasarkan kepada gender. Sebagai contoh, C. Rodrigo (2012) dalam kajian ke atas 503 orang pelajar universiti di Sri Lanka mendapati bahawa terdapat empat masalah tingkah-laku yang dikaitkan dengan penggunaan internet dalam kalangan pelajar tersebut adalah: (1) *penggunaan internet secara berlebihan*, lelaki = 16.1% dan perempuan = 12.4%; (2) *melayari laman pornografi*, lelaki = 53.4% dan perempuan = 31.3%; (3) *mengadakan serangan siber*, lelaki = 8.5% dan perempuan = 2.8%; serta (4) *penipuan urusan kewangan*, lelaki = 5.9% dan perempuan = 2.0%. Secara keseluruhan, pelajar lelaki menunjukkan tingkah-laku penggunaan internet yang lebih bermasalah berbanding pelajar perempuan.

Kajian H. Odaci & M. Kalkan (2010) di Universiti Teknikal Karadeniz; dan N.B. Serin

(2011) di North Cyprus juga mendapati bahawa pelajar lelaki lebih menunjukkan masalah dalam penggunaan internet berbanding pelajar perempuan. Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh V. Brenner (1997); E. Ceyhan (2007); dan Yonca Aslanbay & Emine Cobanoglu (2009) tidak menunjukkan sebarang signifikan dalam penggunaan internet bermasalah antara pelajar lelaki dan perempuan.

Masalah berkaitan penggunaan internet ini juga memberi pelbagai implikasi dari segi sosial dan juga psikologi. Antara masalah psikologi yang dikaitkan dengan penyalahgunaan internet adalah kesunyian. S.R. Asher & J.A. Paquette (2003) mentakrifkan “kesunyian” sebagai kesedaran kognitif bagi seseorang individu dalam hubungan sosial dan peribadi yang menyebabkan perasaan seperti tidak gembira, kekosongan, dan kerinduan. Dalam kajian yang dijalankan oleh L. Deniz & A. Tutgun (2010) terhadap pelajar di Universiti Bogazici, Istanbul, Turki mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan antara kesunyian dan masalah penggunaan internet.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh A. Tutgun, L. Deniz & K. Moon (2011) terhadap 595 orang pelajar daripada tiga buah universiti di Turki dan Korea Selatan, juga mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan positif yang rendah antara masalah penggunaan internet dan tahap kesunyian dalam kalangan pelajar bagi kedua-dua buah negara. Disamping itu, pelajar Korea Selatan didapati mempunyai tahap kesunyian yang lebih tinggi berbanding pelajar Turki. Di Amerika Syarikat pula, I. Stepanikova, N.H. Nie & X. He (2010) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara masa melayari laman web dengan kesunyian dalam kalangan pengguna internet.

Kajian berkaitan penggunaan internet banyak dijalankan, tetapi lebih tertumpu pada penggunaan internet bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Kurang penekanan diberikan kepada implikasi negatif penggunaan internet. Kajian literatur juga telah menunjukkan bahawa penggunaan internet secara tidak terkawal boleh memberi kesan negatif kepada pengguna internet, sama ada dari segi akademik, sosial maupun psikologi.

Justeru, kertas ini akan membincangkan penggunaan internet bermasalah dalam kalangan pelajar sekolah serta kesannya dari aspek psikologi.

OBJEKTIF DAN KAEDAH KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk: (1) mengenal pasti penggunaan internet bermasalah umum dalam kalangan pelajar sekolah di zon Keramat, Selangor, Malaysia; (2) menentukan perbezaan penggunaan internet bermasalah umum berdasarkan gender dalam kalangan pelajar sekolah di zon Keramat, Selangor, Malaysia; (3) mengenal pasti tahap kesunyian dalam kalangan pelajar sekolah di zon Keramat, Selangor, Malaysia; dan (4) menentukan hubungan antara penggunaan internet bermasalah umum dan kesunyian dalam kalangan pelajar sekolah di zon Keramat, Selangor, Malaysia.

Kajian yang dijalankan ini adalah secara tinjauan dengan menggunakan borang soal-selidik. Kajian tinjauan bertujuan untuk mengetahui dan mengenal pasti tentang sesuatu perkara bagi menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Konting, 2004; dan Sugiyono, 2013). Maklumat yang telah diperoleh dikumpulkan melalui penggunaan borang soal-selidik sebagai instrumen kajian. Penggunaan soal-selidik membolehkan penyelidik membuat kesimpulan yang tepat berkenaan ciri yang dikaji (cf Ary, Jacobs & Rozavieh, 2002; Konting, 2004; dan Sukardi, 2004).

Populasi dalam kajian ini merupakan pelajar tingkatan lima di tiga buah sekolah menengah dalam zon Keramat, Selangor, Malaysia. Sampel dipilih berdasarkan kepada kaedah pensampelan berkelompok. Penyelidik telah mengelompokkan populasi pelajar sekolah menengah ini kepada dua aliran utama, iaitu aliran Sains dan Sastera Ikhtisas.

Berdasarkan kepada formula saiz sampel daripada R.V. Krejcie & D.W. Morgan (1970) dan W.G. Cochran (1977), bilangan sampel pelajar daripada aliran Sains adalah 124 orang dan Sastera Ikhtisas pula adalah seramai 136 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan sampel kajian ialah seramai 260 orang, yang terdiri daripada 90 orang pelajar lelaki dan 170 orang pelajar perempuan. Bilangan sampel ini cukup untuk memberi gambaran kepada keseluruhan

populasi (Krejcie & Morgan, 1970; dan Cochran, 1977).

Instrumen kajian pula terdiri daripada tiga bahagian, iaitu: (1) bahagian demografi responden; (2) pengukuran bagi penggunaan internet bermasalah umum; dan (3) pengukuran tahap kesunyian responden. Pengukuran internet bermasalah umum skala 2 terdiri daripada 15 item, yang diadaptasi melalui instrumen oleh S.E. Caplan (2010). Skala Likert yang digunakan bermula dari 1 (*sangat tidak setuju*) ke 5 (*sangat setuju*). Setiap item ini dibahagikan kepada lima sub-skala, iaitu: (1) pilihan untuk interaksi sosial dalam talian; (2) kawalan perasaan; (3) keasyikan kognitif; (4) kewajipan menggunakan internet; dan (5) hasil negatif. Nilai Alfa Cronbach melalui kajian rintis bagi bahagian ini adalah 0.832.

Sementara itu, aspek kesunyian (*loneliness*) pula diukur menggunakan 19 skala item oleh D. Russell, L.A. Peplau & C.E. Cutrona (1980). Instrumen ini menggunakan skala Likert dari 1 (*tidak pernah*) ke 4 (*kerap*), dimana skor lebih tinggi menunjukkan tahap kesunyian yang lebih tinggi. Nilai Alfa Cronbach yang diprolehi ialah 0.733. Seterusnya, analisis deskriptif dan inferensi digunakan bagi menjawab objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan bagi dapatan kajian ini dimulai dengan membincangkan beberapa ciri demografi para responden (sila rujuk jadual 1). Kebanyakan responden adalah terdiri daripada pelajar perempuan, iaitu seramai 170 orang (65.4%) dan diikuti pelajar lelaki seramai 90 orang (34.6%). Pelajar berbangsa Melayu menunjukkan bilangan paling ramai, iaitu seramai 244 orang (93.8%). Manakala pelajar berbangsa India menunjukkan bilangan terendah, iaitu sebanyak 3 orang (1.2%). Sementara itu, pelajar daripada aliran Sastera Ikhtisas menunjukkan bilangan pelajar yang lebih ramai berbanding pelajar Sains, iaitu seramai 136 orang (52.3%). Daripada tiga buah sekolah yang dikaji, SMK (Sekolah Menengah Kebangsaan) Lembah Keramat dan SMK Taman Keramat menunjukkan bilangan responden hampir sama.

Dari segi purata masa melayari internet pula, lebih daripada separuh responden

Jadual 1:
Maklumat Responden

Maklumat Responden		Kekerapan	Peratus
Jantina:	Lelaki	90	34.6%
	Perempuan	170	65.4%
Bangsa:	Melayu	244	93.8%
	Cina	4	1.5%
	India	3	1.2%
	Lain-lain	9	3.5%
Aliran:	Sains	124	47.7%
	Sastera Ikhtisas	136	52.3%
Sekolah:	SMK Taman Keramat	95	36.5%
	SMK Lembah Keramat	99	38.1%
	SMK Seri Keramat	66	25.4%

Jadual 2:
Purata Masa Melayari Internet

Julat Masa (Jam/Hari)	Kekerapan	Peratus (%)
0-2	140	53.8
3-5	99	38.1
6-8	19	7.31
9-11	2	0.79
Jumlah	260	100

melayari internet antara 0 hingga 2 jam sehari, iaitu seramai 140 orang (53.8%); diikuti responden yang melayari internet antara 3 hingga 5 jam sehari pula adalah seramai 99 orang (38.1%); dan 19 responden (7.31%) melayari internet antara 6 hingga 8 jam sehari. Namun begitu, hanya dua responden (0.79%) dicatatkan menggunakan internet antara 9 hingga 11 jam sehari. Sila rujuk jadual 2.

Seterusnya adalah perbincangan mengenai penggunaan internet bermasalah dalam kalangan responden di tiga buah sekolah, iaitu: SMK (Sekolah Menengah Kebangsaan) Taman Keramat, SMK Lembah Keramat, dan SMK Seri Keramat. Min keseluruhan bagi 15 item yang digunakan bagi mengukur penggunaan internet bermasalah adalah 2.71 (SP = .651). Pengukuran bagi bahagian ini merujuk kepada nilai min yang lebih tinggi akan memberi gambaran kepada penggunaan lebih bermasalah.

Dari segi sub-skala pula, dimensi yang mengukur kawalan perasaan (M = 3.02, SP = 1.029) merupakan min paling tinggi; diikuti dimensi berkaitan kewajipan menggunakan internet (2.71, SP = 1.039); pilihan untuk

interaksi sosial dalam talian (M = 2.65, SP = .944); hasil negatif (M = 2.31, SP = .922); dan keasyikan kognitif (M = 2.28, SP = 1.024). Secara terperinci, jadual 3 memaparkan item yang digunakan bagi mengukur penggunaan internet bermasalah dalam kalangan responden. Perbincangan seterusnya akan menjurus kepada setiap bahagian.

Dapatan kajian bagi mengukur sub-skala interaksi sosial dalam talian menunjukkan nilai min paling tinggi adalah kecenderungan responden untuk berinteraksi secara sosial melalui internet, berbanding berkomunikasi secara bersemuka (M = 2.80, SP = 1.046) dengan sebanyak 28.4% responden bersetuju atau sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Ini diikuti dengan pernyataan responden, yang menyatakan mereka lebih selesa berinteraksi melalui internet berbanding bersemuka (M = 2.78, SP = 1.091); dan gemar berkomunikasi dengan rakan melalui internet (M = 2.78, SP = 1.047).

Dari segi dimensi kawalan perasaan pula, 46.9% responden menyatakan, sama ada setuju atau sangat setuju dengan pernyataan bahawa mereka menggunakan internet untuk

Jadual 3:
Penggunaan Internet Bermasalah Umum

Item	Min	SP	STS	TS	TP	S	SS
Interaksi Sosial dalam Talian:							
Saya lebih suka berinteraksi secara sosial melalui internet berbanding berkomunikasi secara bersemuka.	2.80	1.045	25 9.6%	86 33.1%	75 28.8%	63 24.2%	11 4.2%
Berinteraksi sosial melalui internet adalah lebih selesa untuk saya daripada berinteraksi secara bersemuka.	2.78	1.091	24 9.2%	101 38.8%	59 22.7%	60 23.1%	16 6.2%
Saya lebih gemar berkomunikasi dengan rakan melalui internet.	2.78	1.047	28 10.8%	84 32.3%	72 27.7%	68 26.2%	8 3.1%
Kawalan Perasaan:							
Saya menggunakan internet untuk berbual dengan orang lain, apabila saya berasa bersendirian.	3.19	1.222	28 10.8%	52 20.0%	58 22.3%	85 32.7%	37 14.2%
Saya menggunakan internet untuk membolehkan diri saya supaya menjadi lebih baik setiap kali saya berasa kecewa.	3.11	1.251	33 12.7%	50 19.2%	73 28.1%	63 24.2%	41 15.8%
Saya menggunakan internet untuk membolehkan diri saya menjadi lebih baik apabila saya berasa sedih.	3.11	1.226	31 11.9%	51 19.6%	71 27.3%	70 26.9%	37 14.2%
Keasyikan Kognitif:							
Apabila saya tidak melayari internet untuk beberapa waktu, saya akan asyik memikirkan untuk melayarinya.	2.83	1.371	55 21.2%	69 26.5%	33 12.7%	69 26.5%	34 13.1%
Saya akan berasa buntu jika saya tidak dapat melayari internet.	2.40	1.243	72 27.7%	89 34.2%	42 16.2%	37 14.2%	20 7.7%
Saya rasa obses (keinginan melampau) untuk melayari internet, setiap kali saya tidak menggunakannya.	2.16	1.164	92 4%	87 33.5%	41 15.8%	27 10.4%	13 5.0%
Kewajipan Menggunakan Internet:							
Saya mengalami masalah untuk mengawal jumlah waktu yang saya gunakan untuk melayari internet.	3.03	1.288	41 15.8%	54 20.8%	55 21.2%	76 29.2%	34 13.1%
Saya dapati sukar untuk mengawal diri semasa melayari internet.	2.75	1.226	46 17.7%	73 28.1%	62 23.8%	56 21.5%	23 8.8%
Apabila tidak melayari internet, saya mengalami kesukaran untuk cuba mengawal keinginan untuk melayarinya.	2.28	1.115	73 28.1%	94 36.2%	49 18.8%	35 13.5%	9 3.5%
Hasil Negatif:							
Penggunaan internet telah menyukarkan saya untuk menguruskan pembelajaran saya.	2.96	1.317	45 17.3%	61 23.5%	47 18.1%	73 28.1%	34 13.1%
Saya ketinggalan dalam hubungan sosial atau sebarang aktiviti lain, disebabkan penggunaan internet saya.	2.24	1.105	77 29.6%	88 33.8%	60 23.1%	24 9.2%	11 4.2%
Penggunaan internet telah mendatangkan masalah dalam hidup saya.	2.24	1.094	77 29.6%	84 32.3%	69 26.5%	18 6.9%	12 4.6%

Nota: SS = Sangat Setuju; S = Setuju; TP = Tidak Pasti; TS = Tidak Setuju; dan STS = Sangat Tidak Setuju.

berbual dengan orang lain apabila berasa bersendirian (M = 3.19, SP = 1.222). Manakala dua item yang mempunyai nilai min yang sama, iaitu penggunaan internet membolehkan diri mereka menjadi lebih baik setiap kali berasa

kecewa (M = 3.11, SP = 1.251) dan penggunaan internet membolehkan diri mereka menjadi lebih baik apabila berasa sedih (M = 3.11, SP = 1.226).

Seterusnya, bagi dimensi keasyikan kognitif

Jadual 4:
Ujian- t Tak Bersandar bagi Penggunaan Internet Bermasalah Umum Berdasarkan Gender

Gender	Bilangan	Min	SP	T	Darjah Kebebasan (df)	Signifikan
Lelaki	90	2.69	.572	-.370	258	.712
Perempuan	170	2.73	.689			

pula, item yang merujuk kepada pernyataan responden bahawa mereka akan asyik memikirkan untuk melayari internet apabila tidak melayarinya untuk beberapa waktu ($M = 2.40$, $SP = 1.243$) merupakan nilai min tertinggi dengan 39.6% responden bersetuju dan sangat setuju dengannya. Ini diikuti dengan pernyataan bahawa mereka akan berasa buntu jika tidak dapat melayari internet ($M = 2.40$, $SP = 1.243$).

Bagi dimensi kewajipan menggunakan internet pula, didapati item berkaitan masalah yang dihadapi responden untuk mengawal jumlah waktu yang digunakan untuk melayari internet menunjukkan min tertinggi ($M = 3.03$, $SP = 1.288$), dengan sebanyak 42.3% responden bersetuju dan sangat bersetuju. Selain itu, responden juga menghadapi kesukaran untuk mengawal diri semasa melayari internet ($M = 2.75$, $SP = 1.226$) merupakan nilai min kedua tertinggi.

Akhir sekali, perbincangan mengenai penggunaan internet bermasalah akan memberi hasil negatif. Bagi dimensi ini, item berkaitan penggunaan internet akan menyukarkan responden untuk menguruskan pembelajaran menunjukkan nilai min tertinggi, iaitu $M = 2.96$, $SP = 1.317$. Sebanyak 41.2% responden bersetuju dan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Dua item yang mempunyai nilai min yang sama merujuk kepada item yang menyatakan bahawa mereka akan berasa ketinggalan dalam hubungan sosial atau sebarang aktiviti lain disebabkan penggunaan internet ($M = 2.24$, $SP = 1.105$); dan juga pernyataan bahawa penggunaan internet telah mendatangkan masalah dalam hidup mereka ($M = 2.24$, $SP = 1.094$).

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa masalah umum penggunaan internet kebanyakannya disebabkan oleh perasaan responden yang ingin menggunakan internet apabila berasa bersendirian dan kesukaran mengawal jumlah

waktu penggunaan internet mereka.

Perbincangan seterusnya adalah bagi mengenal pasti, samada terdapat perbezaan signifikan penggunaan internet bermasalah berdasarkan gender. Bagi tujuan itu, analisis ujian t tak bersandar dilakukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan min penggunaan internet bermasalah umum bagi pelajar lelaki ($M = 2.69$, $SP = .572$) dengan pelajar perempuan [$M = 2.73$, $SP = .689$; dan $t(258) = -.370$, $p = .712 > .05$]. Ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan pelajar perempuan tidak berbeza dari segi masalah umum penggunaan internet. Sila rujuk jadual 4.

Bagi mengukur tahap kesunyian responden, 19 item digunakan untuk mengukur dimensi ini. Min keseluruhan bagi instrumen kesunyian ini adalah 2.72 ($SP = .372$). Secara terperinci, jadual 5 menunjukkan item yang digunakan bagi mengukur tahap kesunyian responden.

Item yang mempunyai min paling tinggi merujuk kepada kekerapan responden berasa malu dengan min adalah 3.05 ($SP = .823$) dengan 33.5% responden menyatakan selalu berasa malu. Ini diikuti dengan item yang merujuk kepada kekerapan responden merasakan mereka memiliki banyak persamaan dengan orang di sekeliling ($M = 2.78$, $SP = .782$); dan item kekerapan responden berasa ada orang lain yang benar-benar memahami diri menunjukkan nilai min ketiga tertinggi ($M = 2.75$, $SP = .837$). Bagaimanapun, terdapat dua min menunjukkan nilai min paling rendah, iaitu kekerapan responden merasakan bahawa ada orang yang boleh berbual ($M = 2.14$, $SP = 1.031$); dan kekerapan responden merasakan hubungan dengan orang lain tidak bermakna ($M = 2.20$, $SP = .909$).

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini dapat menunjukkan bahawa kebanyakan responden juga mengalami masalah kesunyian, walaupun mereka masih lagi di peringkat sederhana. Justeru, analisis seterusnya adalah menentukan, samada terdapat hubungan

Jadual 5:
Tahap Kesunyian Responden

Item	Min	SP	Tidak Pernah	Jarang Sekali	Sekali Sekala	Selalu
Berapa kerapkah anda merasakan bahawa anda serasi dengan orang di sekitar anda?	2.50	.898	67 25.8%	0 0.0%	188 72.3%	5 1.9%
Berapa kerapkah anda merasakan bahawa hubungan persahabatan anda berkurangan?	2.46	.871	38 14.6%	93 35.8%	101 38.8%	28 38.8%
Berapa kerapkah anda merasakan bahawa tiada seorang pun tempat untuk anda mengadu?	2.38	1.060	68 26.2%	73 28.1%	72 27.7%	47 18.1%
Berapa kerapkah anda berasa kesunyian?	2.61	.847	24 9.2%	91 35.0%	107 1.2%	38 14.6%
Berapa kerapkah anda merasakan bahawa anda memiliki banyak persamaan dengan orang di sekeliling anda?	2.78	.782	38 14.6%	0 0.0%	203 78.1%	19 7.3%
Berapa kerapkah anda merasakan diri anda tidak lagi rapat dengan seseorang?	2.53	.849	28 10.8%	99 38.1%	100 38.5%	33 12.7%
Berapa kerapkah anda merasakan bahawa minat dan idea anda tidak dikongsi bersama dengan orang di sekeliling anda?	2.52	.872	27 10.4%	110 42.3%	84 32.3%	39 15.0%
Berapa kerapkah anda merasakan ingin keluar dan bermesra?	2.39	1.087	93 35.8%	0 0.0%	138 53.1%	29 11.2%
Berapa kerap anda merasakan diri anda dekat dengan orang ramai?	2.53	.876	63 24.2%	0 0.0%	193 4.2%	4 1.5%
Berapa kerapkah anda merasakan diri anda dipinggirkan?	2.56	.870	29 11.2%	94 36.2%	100 38.5%	37 14.2%
Berapa kerapkah anda berasa hubungan anda dengan orang lain tidak bermakna?	2.20	.909	60 23.1%	113 3.5%	61 3.5%	26 10.0%
Berapa kerapkah anda merasakan bahawa tiada sesiapa yang benar-benar memahami diri anda?	2.66	.935	27 10.4%	91 35.0%	85 32.7%	57 21.9%
Berapa kerapkah anda berasa terasing dengan orang lain?	2.58	.882	27 10.4%	97 37.3%	94 36.2%	42 16.2%
Berapa kerapkah anda berasa boleh mencari rakan apabila diperlukan?	2.48	.956	74 28.5%	0 0.0%	174 66.9%	12 4.6%
Berapa kerapkah anda merasakan bahawa ada orang lain yang benar-benar memahami diri anda?	2.75	.837	44 16.9%	0 0.0%	194 4.6%	22 8.5%
Berapa kerapkah anda berasa malu?	3.05	.823	8 3.1%	57 21.9%	108 1.5%	87 33.5%
Berapa kerapkah anda merasakan bahawa terdapat orang berada di sekeliling anda, tetapi tidak bersama anda?	2.59	.9064	28 10.8%	97 37.3%	88 3.8%	47 18.1%
Berapa kerapkah anda merasakan bahawa ada orang yang boleh anda berbual?	2.14	1.031	115 44.2%	0 0.0%	138 53.1%	7 2.7%
Berapa kerapkah anda merasakan bahawa ada orang sebagai tempat untuk mengadu?	2.49	.996	76 29.2%	0 0.0%	164 63.1%	20 7.7%

Jadual 6:
Ujian Korelasi Pearson bagi Penggunaan Internet Bermasalah dengan Kesunyian

Penggunaan Internet Bermasalah Umum (Pekali Korelasi, r)	Interpretasi Hubungan
Kesunyian .182**	Hubungan amat lemah

** . Signifikan pada aras 0.01 (2 arah)

antara penggunaan internet bermasalah dengan kesunyian.

Salah satu daripada objektif kajian adalah menentukan, sama ada terdapat hubungan signifikan antara penggunaan internet bermasalah umum dengan kesunyian. Bagi tujuan tersebut, analisis korelasi Pearson digunakan (sila rujuk jadual 6).

Analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara penggunaan internet bermasalah dengan tahap kesunyian responden [$r = .182^{**}$; $p = 0.01$]. Walau bagaimanapun, menurut T.G. Connolly & W. Sluckin (1971), hubungan ini adalah amat lemah. Ini memberi gambaran bahawa penggunaan internet bermasalah akan memberi kesan kepada tahap kesunyian pengguna internet tersebut. Namun kesan ini adalah lemah dan tidak menjejaskan sangat.

Kajian berkaitan penggunaan internet bermasalah adalah kurang popular, sama ada di negara Malaysia mahupun di negara Indonesia dan rantau Asia Tenggara. Ini memandangkan penggunaan internet dilihat lebih memberi kesan positif berbanding dengan negatif. Namun begitu, penyelidik tidak perlu alpa untuk mengkaji kesan negatif, memandangkan banyak kajian literatur jelas menunjukkan bahawa internet juga dikaitkan dengan kesan yang negatif dari segi akademik, hubungan sosial, dan juga psikologi.

Dalam kajian ini, didapati tempoh masa melayari internet menunjukkan sebanyak 53.8% responden menggunakan internet untuk tempoh kurang daripada dua jam. Kajian yang dijalankan oleh H. Odaci & M. Kalkan (2010); J.C. Suris *et al.* (2010); dan W.Y.L. Zach, M.K.C. Christy & R.T. Dimple (2012) juga mendapati bahawa tempoh masa penggunaan internet dalam kalangan responden kebanyakannya adalah kurang daripada dua jam sehari. Ini memberi gambaran bahawa tempoh penggunaan internet masih di tahap terkawal dan tidak mendatangkan ketagihan terhadap pelajar.

Dari segi penggunaan internet bermasalah pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa ia berada pada tahap sederhana dengan nilai min bagi kesemua dimensi yang mengukur penggunaan internet bermasalah juga berada pada tahap sederhana; melainkan aspek kawalan perasaan yang mencatat nilai

min lebih tinggi berbanding dimensi lain. Ini menunjukkan bahawa internet menjadi medan kepada mereka untuk berbual dengan orang lain, “apabila saya berasa bersendirian”.

Malahan, responden juga merasakan bahawa internet membolehkan diri mereka menjadi lebih baik setiap kali berasa kecewa atau sedih. Selain itu, responden yang berhadapan dengan penggunaan internet bermasalah mengalami masalah untuk mengawal jumlah waktu yang digunakan untuk melayari internet. Kajian oleh S.S.J. Lin & C.C. Tsai (2001); Choo Siow Ling *et al.* (2011); Hasmiida Jamaluddin, Zauwiyah Ahmad & Noorhazreen Zainal (2011); H. Wang *et al.* (2011); dan Johari Hassan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid (2012) juga menunjukkan bahawa penggunaan internet yang menimbulkan masalah ataupun ketagihan internet berada pada tahap rendah dan sederhana dalam kalangan pelajar, samada sekolah mahupun universiti.

Kajian yang dijalankan ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan penggunaan internet bermasalah berdasarkan gender dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian yang dijalankan oleh V. Brenner (1997); E. Ceyhan (2007); dan Yonca Aslanbay & Emine Cobanoglu (2009) juga mendapati bahawa tidak terdapat hubungan signifikan antara gender dan masalah penggunaan internet. Namun begitu, terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan internet berdasarkan gender mengikut kajian literatur yang lain, seperti kajian oleh H. Odaci & M. Kalkan (2010); H. Wang *et al.* (2011); N.B. Serin (2011); dan Johari Hassan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid (2012).

Selain itu, dalam kajian ini menunjukkan bahawa aspek kesunyian juga memberi kesan terhadap penggunaan internet bermasalah. Terdapat pelbagai kajian yang mendapati bahawa seseorang yang bermasalah dalam penggunaan internet juga berdepan dengan masalah kesunyian yang teruk, sepertimana kajian oleh I. Stepanikova, N.H. Nie & X. He (2010); L. Deniz & A. Tutgun (2010); dan A. Tutgun, L. Deniz & K. Moon (2011). Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar sekolah rendah yang mengalami masalah dalam penggunaan internet berkemungkinan menyebabkan mereka berasa kesunyian.

KESIMPULAN

Penggunaan internet tanpa had pada masa kini dapat mengundang pelbagai masalah kepada remaja, kerana kemudahan internet kini mudah didapati, cepat, dan percuma di sesetengah tempat. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa masalah berkaitan penggunaan internet wujud dalam kalangan pelajar sekolah, walaupun berada pada tahap rendah.

Kajian ini juga memberi implikasi bahawa masalah penggunaan internet akan mendorong kepada masalah berkaitan kesunyian. Oleh itu, para ibu bapa perlu mengambil perhatian kepada penggunaan internet dalam kalangan anak mereka, terutamanya dari segi apa yang dilayari.

Bibliografi

- Ary, D., L.C. Jacobs & A. Rozavieh. (2002). *Introduction to Research in Education*. Belmont, CA: Wadsworth, 6th edition.
- Asher, S.R. & J.A. Paquette. (2003). "Loneliness and Peer Relations in Childhood" dalam *Current Directions in Psychological Science*, 12, ms.75-78.
- Aslanbay, Yonca & Emine Cobanoglu. (2009). "Internet Addiction among Turkish Young Consumers" dalam *Young Consumers: Insight and Ideas for Responsible Marketers*, 10(1), ms.60-70.
- Austin, W.A. & M.W. Totaro. (2011). "Gender Differences in the Effects of Internet Usage on High School Absenteeism" dalam *The Journal of Socio-Economics*, 40, ms.192-198.
- Brenner, V. (1997). "Psychology of Computer Use. XLVII. Parameters of Internet Use, Abuse, and Addiction: The First 90 Days of the Internet Usage Survey" dalam *Psychological Reports*, 80, ms.679-882.
- Caplan, S.E. (2010). "Theory and Measurement of Generalized Problematic Internet Use: A Two Steps Approach" dalam *Computers in Human Behavior*, 26, ms.1089-1097.
- Ceyhan, E. (2007). "University Students' Problematic Internet Use in Terms of Reason for Internet Use". Paper presented in the 6th WSEAS International Conference on Education and Educational Technology, in Italy, on November 21-23.
- Cochran, W.G. (1977). *Sampling Techniques*. New York: John Wiley & Sons, 3rd edition.
- Connolly, T.G. & W. Sluckin. (1971). *An Introduction to Statistics for the Social Sciences*. Macmillan, New York City: John Wiley & Sons, 3rd edition.
- Davis, R.A. (2001). "A Cognitive-Behavioral Model of Pathological Internet Use" dalam *Computer in Human Behavior*, 17, ms.187-195.
- Davis, R.A., G.L. Flett & A. Besser. (2002). "Validation of a New Measure of Problematic Use: Implications for Pre-Employment Screening" dalam *Cyber Psychology & Behavior*, 5, ms.331-346.
- Deniz, L. & A. Tutgun. (2010). "The Relationship between Problematic Internet Usage and Loneliness Level of Prospective Teachers". Paper presented in an International Educational Technology Conference (IETC) in Bogazici University, Istanbul, Turkey.
- Goldberg, Ivan. (1997). "Ivan Goldberg Discusses 'Internet addiction'". Tersedia [online] juga di: <http://www.psycom.net/> [diakses di Bandung, Indonesia: 23hb Januari 2014].
- Hassan, Johari & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid. (2012). "Ketagihan Penggunaan Internet di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 di Bandaraya Johor Baru" dalam *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6, ms.23-43.
- Holden, C. (2001). "Behavioral Addictions: Do They Exist?" dalam *Science*, 294(5544), ms.980-982.
- Jamaluddin, Hasmida, Zauwiyah Ahmad & Noorhazreen Zainal. (2011). "Exploratory Study on Internet Addiction among Varsity Students in Malaysia". Kertas kerja dibentang dalam International Conference on e-Commerce, e-Administration, e-Society, e-Education, and e-Technology (e-CASE & e-TECH 2011) di Tokyo, Jepun.
- Konting, Majid. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V. & D.W. Morgan. (1970). "Determining Sample Size for Research Activities" dalam *Educational and Psychological Measurement*, 30, ms.607-610.
- Lin, S.S.J. & C.C. Tsai. (2001). "Sensation Seeking and Internet Dependence of Taiwanese High School Adolescents" dalam *Computers in Human Behavior*, 18, ms.411-426.
- Ling, Choo Siow et al. (2011). "Malaysian Internet Surfing Addiction (MISA): Factors Affecting the Internet Use and Its Consequences". Kertas kerja dibentang dalam IEEE International Conference on Computer Applications and Industrial Electronics (ICCAIE), ms.585-590.
- Md Nor, Mariani. (2011). "60,000 Pelajar Kita Ketagih FB" dalam akhbar *Berita Harian*. Tersedia [online] juga di: http://www.bharian.com.my/bharian/articles/60_oopelajarkitaketagihFB/Article [diakses di Bandung, Indonesia: 9hb Oktober 2014].
- Odaci, H. & M. Kalkan. (2010). "Problematic Internet Use, Loneliness, and Dating Anxiety among Young Adult University Students" dalam *Computer & Education*, 55, ms.1091-1097.
- Rodrigo, C. (2012). "Problematic Internet Behaviours among University Students in Sri Lanka" dalam *Asian Journal of Psychiatry*, 5, ms.275-276.
- Russell, D., L.A. Peplau & C.E. Cutrona. (1980). "The Revised UCLA Loneliness Scale: Concurrent and Discriminant Validity Evidence" dalam *Journal of Personality and Social Psychology*, 39, ms.472-480.
- SC [Symantec Corporation]. (2010). *Norton Online Family Report 2010: Reveals 87 Percent of Malaysian Kids Have Had a Negative Online Experience*. Kuala Lumpur, Malaysia: Symantec Corporation. Tersedia [online] juga di: <http://www.symantec.com/en/my/about/>

- [news/release/article.jsp?prid=20100707_01](#) [diakses di Bandung, Indonesia: 9hb Oktober 2014].
- Serin, N.B. (2011). "An Examination of Predictor Variables for Problematic Internet Use" dalam *The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 10(3).
- Sherer, K. (1997). "College Life Online: Healthy and Unhealthy Internet Use" dalam *Journal of College Student Development*, 38, ms.655-664.
- Stepanikova, I., N.H. Nie & X. He. (2010). "Time on the Internet at Home, Loneliness, and Life Satisfaction: Evidence from Panel Time – Diary Data" dalam *Computers in Human Behavior*, 26, ms.329-338.
- Sugiyono. (2013). *Metode Penelitian Kuantitatif dan Kualitatif*. Bandung: Penerbit Alfabeta.
- Sukardi. (2004). *Metodologi Penelitian Pendidikan: Kompetensi dan Prakteknya*. Jakarta: Penerbit Bumi Aksara.
- Suris, J.C. et al. (2010). "Chronically Connected? Internet Use among Adolescents with Chronic Conditions" dalam *Journal of Adolescent Health*, 46, ms.200-202.
- Tutgun, A., L. Deniz & K. Moon. (2011). "A Comparative Study of Problematic Internet Use and Loneliness among Turkish and Korean Prospective Teachers" dalam *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 10(4), ms.14-30.
- Wang, H. et al. (2011). "Problematic Internet Use in High School Students in Guangdong Province, China" dalam *Plus One*, 6(5).
- Young, K. & R. Rodger. (1998). "The Relationship between Depression and Internet Addiction" dalam *Cyber Psychology and Behavior*, 1, ms.25-28.
- Zach, W.Y.L., M.K.C. Christy & R.T. Dimple. (2012). "An Investigation into the Problematic Use of Facebook" dalam *Hawaii International Conference on System Sciences*. Tersedia [online] juga di: <http://ezproxy.upm.edu.my:2071/record/display.url?eid=252.080054002603&origin=resultslist&sort=plff&src=s&st1=generalized+problematic+internet> [diakses di Bandung, Indonesia: 9hb Oktober 2014].



Pelajar, Komputer, dan Internet
(Sumber: www.google.com, 15/11/2014)

Kajian ini juga memberi implikasi bahawa masalah penggunaan internet akan mendorong kepada masalah berkaitan kesunyian. Oleh itu, para ibu bapa perlu mengambil perhatian kepada penggunaan internet dalam kalangan anak mereka, terutamanya dari segi apa yang dilayari.